

23/04/2000

2,685 pesakit Aids meninggal

KUALA LUMPUR: Sebanyak 2,685 daripada 3,554 pesakit Sindrom Kurang Daya Penyakit (Aids) yang dilaporkan di negara ini meninggal dunia dalam tempoh 10 tahun bermula 1986 sehingga 31 Disember 1999.

Tahun lalu saja, sejumlah 874 pesakit meninggal dunia dan jumlah itu yang tertinggi sepanjang tempoh berkenaan.

Daripada 3,554 pesakit Aids yang dilaporkan, seramai 3,327 atau 93.6 peratus adalah lelaki manakala 227 atau 6.4 peratus adalah wanita.

Melayu mencatatkan jumlah tertinggi dengan 2,034 pesakit atau 57.2 peratus, Cina, 1,075 (30.2) dan India, 293 (8.2).

Selain itu, Bumiputera Sarawak mencatatkan 18 pesakit (0.5 peratus), Bumiputera Sabah, enam (0.2) dan lain-lain bangsa termasuk warga asing seramai 127 atau 3.6 peratus.

Penagih dadah yang berkongsi jarum suntikan adalah jumlah pesakit tertinggi iaitu seramai 2,072 (58.3 peratus); pengamal seks rambang 829 (23.3); Pelacuran, lima (0.1); jangkitan dari ibu ke anak 44 (1.2); manakala 572 atau 16.2 peratus tidak diketahui punca jangkitan.

Dari segi pekerjaan, penganggur adalah jumlah terbesar seramai 590 atau 16.6 peratus; pekerja industri, 168 (4.7); nelayan 139 (3.9); kakitangan awam 36 (1.0); pelajar, 12 (0.3); pasukan keselamatan, 47 (1.3); pekerja swasta 24 (0.7); pelacur 14 (0.4); suri rumah 46 (1.3); pemandu 64 (1.8) dan seramai 2,414 atau 67.9 peratus, pesakit yang tidak diketahui pekerjaannya.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAC), Datin Paduka Marina Mahathir, berkata, walaupun jumlah pesakit meningkat setiap tahun, kadar pertumbuhannya menurun kesan dari kempen kesedaran dan pendidikan dijalankan.

Katanya, jumlah yang dicatatkan itu juga adalah pesakit lama yang tidak pernah mengikuti kempen dijalankan oleh kerajaan, MAC dan NGO lain.

Ini kerana, kira-kira 30 peratus pesakit Aids mengalami tanda dalam tempoh lima tahun dan lima peratus pula dalam masa sembilan tahun.

"Bagaimanapun, masih ada lagi masyarakat yang tidak tahu apa itu Aids dan HIV serta kesan yang akan mereka terima. Ini kerana penyakit itu hanya dapat dikesan dalam jangka masa yang agak lama," katanya selepas merasmikan Piagam Aids Malaysia versi Mandarin di Dewan Perhimpunan Cina Selangor, di sini, semalam.

Piagam Aids Malaysia yang dilancarkan pada 1995 adalah rangka kerja asas hak bersama untuk menghentikan kesan negatif Aids/HIV ke atas rakyat di negara ini di semua peringkat yang dirangka oleh lebih 70 pakar dari organisasi.

Ia mengandungi enam aspek utama yang merangkumi hak dan tanggungjawab terhadap individu, pekerja rawatan, pekerjaan, pendidikan, penjara dan pusat tahanan serta strategi untuk melaksanakan piagam itu.

Marina berkata, MAC mempunyai strategi dan program pendidikan yang baik berkenaan Aids dan HIV tetapi tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh terutama kepada masyarakat luar bandar kerana kekurangan kakitangan.

Beliau menyeru pemimpin di kawasan itu datang ke MAC untuk mendapatkan maklumat lengkap.

(END)